

TARIKH	11 / 5 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	27	RUANGAN	SELEMPAT

Perhimpunan haram di Makkah, Madinah

# Beri kesan kuota haji

Abdullah Wahab

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan bimbang dengan tindakan segelintir rakyat negara ini mengadakan perhimpunan haram di Makkah dan Madinah, baru-baru ini yang berkeungkinan memberi kesan kepada kuota jemaah pada musim haji akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, walaupun kuota haji hanya akan diketahui pada bulan Ramadan ini, tetapi kerajaan Arab Saudi memandang serius perkara itu.

"Jumaat lalu saya didatangi Duta Besar Arab Saudi, Fahad A H Al-Rashid dan hari

ini (semalam) didatangi kakitangan pejabat kedutaan termasuk Sheikh yang mengajar di kedutaan.

"Dan saya nampak agak serius kerana dalam tempoh seminggu beberapa orang (kedutaan Arab Saudi) berkunjung ke pejabat saya untuk membincangkan hal-hal seperti ini, tetapi kita cuba jelaskan sebaik mungkin," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Biasiswa Tabung Haji di Bangunan Tabung Haji, di sini.

Hadir sama, Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Pengerah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka

Ismee Ismail dan Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali.

Seramai 15 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2010 dan 2011 di kalangan anak anggota menerima biasiswa bagi membiayai pengajian di dalam dan luar negara.

Tabung Haji memperuntukkan dana permulaan RM5 juta untuk skim biasiswa berkenaan dan pemberian biasiswa mungkin akan dilebarkan kepada pen- deposit apabila dana mencukupi.

Jamil Khir berkata, kejadian itu sedikit sebanyak mencalar imej negara kerana sebelum ini jemaah haji dan umrah dari negara ini adalah yang terbaik.



SERAH...Jamil Khir (kanan) menyerahkan Biasiswa Tabung Haji kepada sebahagian penerima di Bangunan Tabung Haji, semalam.